

05/12/1997

Tujuh majlis meterai perjanjian

ul Halim Yusof; Wan Hazmir Bakar

LANGKAWI, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyaksikan tujuh majlis menandatangani perjanjian di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima 97) di antara syarikat tempatan dengan rakan usaha sama asing mereka.

Enam perjanjian bagi bahagian maritim di Jeti Star Cruise Tanjung Malai, manakala satu lagi perjanjian di Dewan Utama Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC).

Bagi bahagian maritim, mendahului menandatangani perjanjian adalah Penang Shipbuilding & Construction Sdn Bhd (PSC) yang diwakili pengkerusinya, Datuk Amin Shah Omar Shah bagi tiga perjanjian berkaitan kontrak pembekalan dan penyelenggaraan peralatan pertahanan.

Anak syarikat PSC, PSC Defence Technologies Sdn Bhd (PSC Defence), menandatangani perjanjian usaha sama dengan Aerospatiale Ltd (Aerospatiale) bagi menubuhkan syarikat Aeromarine Maintenance Services Sdn Bhd (AMS).

Syarikat itu akan memberi perkhidmatan dan sokongan kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menyelenggara dan meningkatkan keupayaan persenjataan peluru berpandu Exocet yang kini dimiliki TLDM.

AMS juga mendapatkan pemindahan teknologi yang lebih komprehensif kerana juruteknik dan juruteranya akan dilatih oleh Aerospatiale. Syarikat itu akan beroperasi di dermaga TLDM, Lumut.

PSC pula menandatangani perjanjian dengan Royal Ordnance, anak syarikat milik penuh British Aerospace plc (BAe), bagi mengeluarkan dan membekalkan meriam artileri 105mm, Sakti.

Amin Shah berkata, melalui usaha sama itu, PSC berhasrat muncul sebagai pembekal utama Sakti kepada angkatan tentera pelbagai negara di rantau ini.

"Perjanjian juga akan menyaksikan pemindahan teknologi bermula bagi pemasangan dan perkongsian pengeluaran dengan penekanan utama kepada pengeluaran produk pertahanan bermutu tinggi," katanya selepas menandatangani perjanjian di atas kapal pelayaran terkemuka Star Pisces, di Tanjung Malai.

Perjanjian ketiga PSC adalah antara PSC Defence dengan Power Magnetics and Electronics System Ltd (PMES), sebuah syarikat pengeluar produk pertahanan terkemuka di Britain.

Fasa pertama daripada tiga bahagian dalam perjanjian pemindahan teknologi itu meliputi sistem jangkaan berkomputer bagi lambang magnetik sesebuah kapal.

Pengambilalihan teknologi itu akan membolehkan PSC membekalkan produk itu kepada TLDM.

Perjanjian keempat adalah antara Destination Marine Services Sdn Bhd (DMS) and Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi projek usaha sama membina sebuah bot peronda 20 meter panjang berkelajuan tinggi menggunakan rekaan dan teknologi UTM.

Perjanjian antara TWM Enterprise Sdn Bhd (TWM) dan syarikat berpangkalan di China, Yoong Aun Facility Research Centre (YACRC) pula membolehkan TWM mengeluarkan bateri basikal untuk dieksport ke seluruh dunia.

TWM mempunyai kilang pengeluaran bateri Ecobike di Seri Kembangan, Selangor.

Perjanjian terakhir adalah antara dua syarikat asing, P T Marina Water Front Pte Ltd (Marina Water) berpangkalan di Indonesia dengan Wavemaster

International (Wavemaster), sebuah limbungan kapal di Australia.

Marina Water akan menerima dua feri geladak tunggal berkelajuan tinggi, 31 meter Wavemaster yang dijangka dapat diserahkan dalam tempoh lapan bulan.

Pada pameran bahagian udara, Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Konsortium Profesional, Saintis (M) Sdn Bhd dan Asas Teraju Holdings Sdn Bhd; dengan Serco-IAL (SEA) Training Sdn Bhd.

Perjanjian itu bertujuan mewujudkan sebuah pusat latihan kecemerlangan penerbangan di negara ini. Konsortium Profesional diwakili pengarahnya, Idris Mohd manakala Serco diwakili pengarah urusannya, Keith Thompson.

(END)